

Sultan Sallehuddin terima menghadap Anwar

Kuala Lumpur: Sultan Kedah, Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah, berkenan menerima menghadap Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Istana Anak Bukit, Alor Setar, semalam.

Menerusi hantaran di Facebook, Anwar memaklumkan berkesempatan menyembah maklum kepada Sultan Kedah mengenai pembangunan negara dan negeri itu, selain menyentuh soal kesejahteraan serta kebajikan rakyat.

“Usai sesi menghadap, saya menyertai baginda Tuanku dan Tengku Sarafudin Badlishah Ibn Sultan Sallehuddin, Raja Muda Kedah untuk santapan tengah hari.

“Mendoakan ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta’ala semoga Tuanku Sultan dan Sultanah serta seluruh kerabat diraja sentiasa berada dalam keadaan ‘afiyah dan penuh kedaulatan. Daulat Tuanku,” kata Anwar. BERNAMA



Sultan Kedah berkenan menerima menghadap Anwar di Istana Anak Bukit, Alor Setar, semalam.

(Foto ihsan FB Anwar Ibrahim)